

Usahawan disyor bekerjasama pasarkan produk

19 APRIL 2009

**Daripada Mohamad
Azlan Jaafar**

CASABLANCA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan usahawan Malaysia dan Maghribi bekerjasama memasarkan barangan keluaran kedua-dua negara ke pasaran Kesatuan Eropah (EU) dan utara Afrika.

Perdana Menteri berkata, kedudukan Maghribi yang berjaran dengan EU dan cuma 15 kilometer dari Sepanyol serta menjadi pintu masuk penting ke benua Afrika, membuka banyak peluang perniagaan yang boleh diteroka usahawan kedua-dua negara.

"Maghribi boleh mengoptimumkan kedudukan yang rapat dengan EU dan pada masa sama bekerjasama dengan Malaysia bagi mendapatkan produk berkualiti atau mengadakan usaha sama dalam bidang pengeluaran bagi pasaran EU serta pasaran lain di rantau ini," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucapannya dalam pertemuan dengan ahli perniagaan

Maghribi di sini hari ini, sempena lawatan rasmi empat hari ke Maghribi.

Turut hadir, Menteri Industri Perdagangan Tenaga dan Galian Maghribi, Mustapha Mansouri dan Presiden Kesatuan Umum Usahawan Maghribi (CGEM), Hassan Chamai.

Dr Mahathir tiba di bandar perangan ini pagi ini selepas mengadakan mesyuarat peringkat kerajaan dengan pemimpin dan pegawai kanan Maghribi di ibu negara itu, Rabat, semalam.

Turut serta, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yakob dan Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Delegasi Dr Mahathir, termasuk kira-kira 100 ahli perniagaan, akan melawat Libya pada 18 dan 19 April

sebelum ke Bahrain (19-21 April).

Lawatan rasmi itu adalah sebahagian usaha Malaysia mempertingkatkan kerjasama perdagangan dan hubungan dua hala dengan negara Islam di utara Afrika dan Asia Barat.

Ketika ini, perdagangan antara Malaysia dan Maghribi masih kecil. Tahun lalu, dagangan kedua-dua negara hanya bernilai RM65.74 juta (AS\$17.3 juta) dengan eksport Malaysia ke Maghribi berjumlah RM57 juta (AS\$15 juta) manakala import dari Maghribi RM8.74 juta (AS\$2.3 juta).

Ahli perniagaan dari Malaysia berada di bandar ini sejak Isnin lalu bagi mengenal pasti bidang yang boleh diteroka bersama usahawan Maghribi.

Dr Mahathir berkata, ahli perniagaan dari Maghribi juga boleh menjadikan Malaysia sebagai landasan kompetitif bagi memasuki pasaran Asean dan Timur Asia.

Usahawan Maghribi, kata Perdana Menteri, boleh menggunakan Malaysia dalam memperluaskan pasaran di kawasan Bebas

Cukai Asean (AFTA) yang mempunyai 500 juta penduduk dan keseluruhan keluaran negara kasar AS\$750 bilion.

"Malaysia juga penyumbang kedua terbesar bagi perdagangan intra-Asean iaitu sebanyak 26 peratus, sekali gus menjadikannya pintu masuk ke rantau ini yang berkesan," katanya.

Pada tahun 2000, keseluruhan perdagangan intra-Asean berjumlah AS\$175.4 bilion manakala bagi separuh tahun pertama 2001, nilainya berjumlah AS\$76.2 bilion.

Perdana Menteri juga berkata, syarikat Maghribi boleh menggunakan kepakaran yang dimiliki syarikat Malaysia, terutama dalam bidang pembangunan prasarana, perumahan, peiabuhan, lapangan terbang, lebuh raya dan rail kereta api, pusat rawatan air dan jana kuasa serta telekomunikasi.

"Syarikat Maghribi juga boleh menimbang menjadikan syarikat Malaysia sebagai rakan kongsi bagi melaksanakan projek bukannya saja di Maghribi, malah negara lain di rantau ini," katanya.